

IMPLEMENTATION OF MICROFINANCE FROM ZAKAT FUND

PELAKSANAAN PEMBIAYAAN MIKRO DARIPADA DANA ZAKAT

Muhammad Asyraf Abdul Rashid ⁱ & Salmi Edawati Yaacob ⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). p125557@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ (Corresponding author). Profesor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). salmy1001@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Microfinance from zakat funds in Malaysia has not been fully implemented by zakat institutions. However, some Islamic financial institutions have implemented it and given the role to zakat institutions only as an entity that will do the background check to ensure the eligibility of asnaf. The question is, how can microfinance from zakat funds be applied comprehensively by zakat institutions and become one of the effective mechanisms to assist the asnaf achieving a decent life? Thus, the objective of this study is to construct parameters to facilitate zakat institutions implementing microfinance from the zakat fund by itself. This study is a qualitative study using literature and content analysis as a method of data collection, while the data analysis method is descriptive. The results show that there are no clear parameters for zakat institutions to implement this financing program. The implication of the study is to emphasize the importance of supporting and expanding this program by forming suitable parameters in achieving more prosperous sustainable development goals for all people especially to the asnaf.</i></p> <p>Keywords: <i>Microfinance, Zakat, Parameters, Social, Fund.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pembiayaan mikro daripada dana zakat di Malaysia belum dilaksanakan secara menyeluruh oleh institusi zakat. Bagaimanapun, beberapa institusi kewangan Islam telah melaksanakannya dan hanya memberi peranan kepada institusi zakat sebagai entiti yang akan melakukan semakan latar belakang asnaf. Persoalannya, bagaimanakah pembiayaan mikro daripada dana zakat boleh diaplikasikan secara menyeluruh oleh institusi zakat dan menjadi salah satu mekanisme yang berkesan untuk membantu asnaf mencapai kehidupan yang lebih baik? Justeru, objektif kajian ini adalah untuk membina parameter bagi memudahkan institusi zakat melaksanakan pembiayaan mikro daripada dana zakat dengan sendirinya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan analisis literatur dan kandungan sebagai kaedah pengumpulan data, manakala kaedah analisis data adalah deskriptif. Hasil kajian menunjukkan tiada parameter yang jelas untuk institusi zakat melaksanakan program pembiayaan ini. Implikasi kajian adalah untuk menekankan kepentingan menyokong dan mengembangkan program ini dengan membentuk parameter yang sesuai dalam mencapai matlamat pembangunan mampan yang lebih sejahtera untuk semua rakyat khususnya kepada golongan asnaf.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kewangan Mikro, Zakat, Parameter, Tabung, Sosial.</i></p>

PENGENALAN

Agihan dana zakat diagihkan dengan kaedah-kaedah yang tertentu. Menurut Rosbi et al. (2008) dalam kajiannya menyatakan bahawa dana zakat diagihkan dengan secara konsumtif atau sara diri. Agihan ini bertujuan untuk membantu asnaf-asnaf mendapatkan keperluan seharian mereka agar mereka boleh meneruskan kehidupan seperti individu yang lain. Selain daripada kaedah di atas, institusi zakat juga mengagihkan dalam bentuk produktif atau bentuk yang membolehkan asnaf-asnaf menjana pendapatan baharu dengan agihan tersebut (Nurul Ilyana et al., 2017). Agihan dalam bentuk produktif dilaksanakan untuk membantu asnaf-asnaf memulakan perniagaan atau mengembangkan lagi perniagaan dengan memberi bantuan modal perniagaan, bantuan alat-alatan perniagaan dan sebagainya. Antara bentuk zakat produktif yang lain ialah skim pembiayaan mikro daripada dana zakat. Skim ini memberi peluang kepada asnaf-asnaf yang layak mendapatkan pinjaman yang patuh syariah untuk kegunaan perniagaan mereka. Namun, terdapat syarat-syarat yang mesti dinilai dan diperhalusi sebelum melaksanakan skim ini kerana ia merupakan isu yang sensitif dan melibatkan hak-hak penerima zakat yang lain.

Pengagihan dana zakat melalui pembiayaan mikro telah dilaksanakan di negara Indonesia berdasarkan kajian Reno Adi Saputra dan Ratu Eva Febriani (2019). Kaedah pengagihan ini diaplikasikan dengan menggunakan dana zakat dalam bentuk pinjaman untuk peniaga mikro dalam kalangan asnaf bagi menambahbaik perniagaan mereka. Program ini menyaksikan perkembangan yang positif apabila ramai asnaf di Indonesia berjaya mengembangkan perniagaan mereka (Lukmanul Hakim et al., 2021; Munawar Haris et al., 2023).

Berbanding di Malaysia, pelaksanaan agihan zakat yang berkaitan dengan permulaan dan pemulihan perniagaan lebih kepada memberikan modal perniagaan yang tidak perlu dipulangkan kembali seperti yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor dan Majlis Agama Islam Kelantan (Khairul Azhar & Ummi Khasidah, 2019; Mohd Rawizal, 2018). Terdapat kajian yang menyatakan bahawa bantuan secara langsung kurang berkesan untuk menaiktaraf perniagaan penerima bantuan tersebut. Antara isunya ialah pemantauan yang longgar sehingga terdapat asnaf yang menyalahgunakan bantuan tersebut bagi tujuan selain daripada mengembangkan perniagaannya (Mohd Rawizal, 2018). Walaupun terdapat pandangan fuqaha yang tidak membenarkan dana zakat diagihkan dalam apa-apa bentuk yang lain kecuali dengan bentuk konsumtif, namun terdapat pandangan fuqaha yang membenarkan dana zakat diagihkan dengan bentuk-bentuk yang sesuai mengikut masa dan tempat (Nurul Ilyana et al., 2019; Nurul Ilyana & Muhammad Adib, 2019; Nurul Ilyana et al., 2017). Salah satu caranya adalah dengan pembiayaan mikro.

Sementara itu, perkhidmatan pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi pembiayaan mikro di Malaysia kini lebih mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia seiring dengan teknologi dan digitalisasi yang meluas. Selain itu, ia merupakan medium yang mudah dan cepat bagi mendapatkan wang kepada golongan-golongan yang tidak mampu untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi lain seperti bank (Siti Amira Yaacob & Ruzian Markom, 2022). Hal ini kerana, bank meletakkan syarat yang ketat seperti cagaran dan mereka tidak mempunyai cagaran bagi pembiayaan yang dipohon (Nurul Ilyana & Muhammad Adib, 2019).

Seiring dengan sambutan yang hangat terhadap perkhidmatan pembiayaan mikro dalam kalangan penduduk Malaysia pada masa kini, terdapat kajian yang telah menganalisis potensi dan kesediaan institusi zakat di Malaysia untuk melaksanakan pembiayaan mikro yang menggunakan dana zakat. Namun, masih belum ada institusi zakat yang mengaplikasikannya dengan menyeluruh seperti di Indonesia kerana ia masih giat dibahaskan lagi. Tetapi, terdapat beberapa institusi kewangan Islam yang telah melaksanakan program pembiayaan mikro dengan menggunakan dana zakat institusi tersebut. Sebagai contoh, Bank Islam Malaysia Berhad telah melaksanakan program pembiayaan iTEKAD. Bank Islam Malaysia Berhad akan membiaya pelanggan yang layak

dengan menggunakan dana zakat yang pada asalnya perlu dibayar oleh bank tersebut dan akan disalurkan melalui program pembiayaan mikro kepada asnaf yang layak serta golongan B40 yang terjejas perniagaannya ketika pandemik COVID-19 (Md. Habibur Rahman & Muhammad Izzat, 2022).

Pemilihan asnaf adalah tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh institusi zakat seperti Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Walaubagaimanapun, pengurusannya masih lagi tertakluk di bawah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad dan institusi zakat tidak dapat menguruskan program pembiayaan ini sepenuhnya. Walaupun program iTEKAD ini sudah diaplikasikan sejak tahun 2020, masih belum ada parameter yang jelas mengenai pelaksanaannya. Justeru, persoalan yang timbul ialah apakah parameter yang perlu dibentuk bagi pembiayaan mikro daripada dana zakat supaya ia dapat diaplikasikan tanpa melanggar hukum-hukum syarak.

PENGAGIHAN ZAKAT DALAM BENTUK HUTANG

Pembiayaan mikro dengan menggunakan dana zakat merupakan perkara yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam nas-nas utama Islam. Dana zakat pada asalnya mestilah diserahkan kepada penerimanya dan ia menjadi hak milik mutlak penerima (Hasanah Abd Khafidz, 2006). Namun, terdapat keharusan untuk mengagihkan dana zakat yang berbentuk modal kerja. Imam al-Nawawī (2005) merumuskan bahawa modal kerja boleh disalurkan melalui tunai ataupun alatan yang sesuai dengan perniagaan yang diceburi. Selain itu, dana zakat boleh dilaburkan dan diagihkan kepada penerima zakat yang pasif seperti penerima zakat yang mengalami kecacatan kekal dan sebagainya.

Manakala, ulama kontemporari berpendapat sebaliknya iaitu dana zakat boleh disalurkan berdasarkan keperluan semasa mengikut kaedah yang bersesuaian (Armiadi Musa Basyah, 2009). Antara kaedah yang berpotensi untuk dilaksanakan ialah melalui pembiayaan mikro dalam pelbagai bentuk akad seperti *qard al-ḥasan*, *muḍārabah* dan *murābahah* (al-Qarḍāwī, 2002; Muṣṭafā Zarfā', 1987). Selain itu, dapatan daripada kajian lepas juga menyimpulkan bahawa pembiayaan mikro daripada dana zakat dibenarkan berdasarkan *maqāṣid al-syarī'ah*. Hal ini kerana pembiayaan ini bermatlamat panjang dan mampu memanfaatkan penerima pembiayaan dan asnaf-asnaf yang lain (Nurul Ilyana et al., 2017).

Di samping itu, berdasarkan beberapa kajian lepas, segelintir pengkaji berpendapat bahawa negara Malaysia berpotensi untuk melaksanakan pembiayaan mikro daripada dana zakat. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perkara yang harus diperhalusi. Antaranya ialah sektor-sektor yang sesuai untuk dibiayai. Sektor-sektor yang dilihat berpotensi untuk dibiayai ialah sektor perdagangan, perikanan dan pertanian. Selain itu, pengurusan dan pentadbiran yang licin perlu dititikberatkan bagi menjamin kejayaan program ini. Hal ini kerana, kebanyakan institusi zakat tidak mempunyai kakitangan yang benar-benar mahir dalam menguruskan pembiayaan mikro. Justeru kerjasama di antara institusi lain yang menawarkan pembiayaan mikro dengan institusi zakat amat diperlukan (Nurul Ilyana & Muhammad Adib, 2019). Kesimpulannya, walaupun ulama klasik tidak mengharuskan pembiayaan mikro daripada dana zakat, tetapi ulama kontemporari mengharuskan kerana ia selari dengan *maṣlahah* dan ia lebih bermanfaat daripada agihan zakat dalam bentuk sara diri.

KONSEP PEMBIAYAAN MIKRO

Pembiayaan mikro merupakan salah satu kaedah yang diamalkan dalam sistem kewangan masyarakat untuk membantu golongan yang tidak memiliki pendapatan yang bagus bagi membolehkan mereka mendapatkan pinjaman di institusi perbankan. Matlamat utama pembiayaan ini ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi sesebuah masyarakat. Kebiasaannya ia akan dilaksanakan melalui program yang akan mengagihkan pinjaman yang berskala kecil bagi membiaya projek seperti perniagaan dan sebagainya (Siti Amira Yaacob & Ruzian Markom, 2022).

Program pembiayaan mikro yang pertama di Malaysia dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia yang bermula pada tahun 1988. Seterusnya, ia berkembang lagi dengan pelancaran Rangka Kerja Pembiayaan Mikro Kebangsaan pada tahun 2006. Program yang dibangunkan ini berpandukan model Grameen Bank yang dipelopori oleh negara Bangladesh. Selain daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, Malaysia juga mewujudkan pusat pajak gadai Islam yang dimulakan oleh Muassasah Gadaian Islam Terengganu. Selepas itu, banyak lagi institusi yang menjalankan sistem pajak gadai Islam seperti Koperasi Bank Rakyat, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan sebagainya. Perkhidmatan pajak gadai Islam ini juga memainkan peranan sebagai institusi yang memberikan pembiayaan mikro kepada golongan berpendapatan rendah dengan mencagarkan barang kemas mereka tanpa mengenakan faedah yang tinggi. Mereka hanya dikenakan upah simpan berdasarkan tempoh simpanan yang telah disepakati bersama dengan institusi Ar-Rahnu. Malahan, tempat simpan barangan kemas juga selamat dan sentiasa dijaga rapi. Matlamat utama penubuhan institusi-institusi yang menawarkan pembiayaan mikro di atas ialah untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah menjana pendapatan dengan memberikan pembiayaan yang sesuai dengan aktiviti ekonomi yang ingin mereka jalankan (Siti Amira Yaacob & Ruzian Markom, 2022).

Skim pembiayaan mikro di Malaysia yang ditawarkan oleh institusi pembiayaan mikro telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan masyarakat. Menurut Siti Amira Yaacob dan Ruzian Markom (2022), sambutan dalam kalangan masyarakat amat menggalakkan kerana teknologi dan digitalisasi telah berjaya menarik perhatian masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Namun, masih terdapat segelintir usahawan khususnya dalam kalangan asnaf berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi pembiayaan mikro kerana mereka tidak mampu memenuhi syarat-syarat yang digariskan oleh institusi tersebut (Nurul Ilyana & Muhammad Adib, 2019). Antara syarat-syarat yang tidak dapat dipenuhi ialah meletakkan cagaran. Justeru, hal ini akan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk meminjam daripada pihak lain termasuklah institusi pinjaman wang haram (Mohd Kamarul Khaidzir & Srirahayu, 2021). Mohd Kamarul Khaidzir dan Srirahayu (2021) menyatakan peminjam ceti haram dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia lebih tinggi berbanding dengan masyarakat lain.

Pembiayaan mikro daripada dana zakat bermaksud menggunakan dana zakat yang diperolehi oleh institusi zakat untuk diberikan secara pinjaman kepada penerima zakat yang layak. Konsep ini membolehkan penerima yang layak di peringkat pertama memanfaatkan pembiayaan tersebut untuk tujuan perniagaan. Kemudian, apabila penerima di peringkat yang pertama membayar kembali ke institusi zakat, ia boleh membantu penerima di peringkat yang kedua dan seterusnya (Alliance Islamic Bank, 2022).

Kontrak yang dilihat bersesuaian untuk melaksanakan pembiayaan ini ialah *mushārahah mutanāqīshah*, *muḍārabah* dan *qarḍ al-ḥasan* (Zakaria Bahri, 2011). Hal ini kerana, tujuan utama pembiayaan mikro daripada dana zakat ini ialah untuk menyediakan alternatif lain bagi masyarakat Islam khususnya penerima zakat memperolehi pembiayaan yang tidak mempunyai unsur *riba'* (al-Qarḍāwī, 2002).

Di samping itu, berdasarkan beberapa kajian lepas, segelintir pengkaji berpendapat bahawa negara Malaysia berpotensi untuk melaksanakan pembiayaan mikro dengan menggunakan dana zakat. Walaubagaimanapun, terdapat banyak perkara yang harus diperhalusi. Antaranya ialah sektor-sektor yang sesuai untuk dibiayai. Sektor-sektor yang dilihat berpotensi untuk dibiayai ialah sektor perdagangan, perikanan dan pertanian. Selain itu, pengurusan dan pentadbiran yang efisien juga amat penting bagi menjayakan program ini. Hal ini kerana, institusi zakat kebanyakannya tidak mempunyai kakitangan yang betul-betul mahir dalam menguruskan pembiayaan mikro. Justeru kerjasama di antara institusi lain yang menawarkan pembiayaan mikro dengan institusi zakat amat diperlukan (Nurul Ilyana et al., 2017; Nurul Ilyana & Muhammad Adib, 2019).

KEPERLUAN PEMBIAYAAN MIKRO DENGAN MENGGUNAKAN DANA ZAKAT

Skim pembiayaan mikro di Malaysia yang ditawarkan oleh institusi pembiayaan mikro telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan masyarakat. Menurut Siti Amira Yaacob dan Ruzian Markom (2022), sambutan dalam kalangan masyarakat amat menggalakkan kerana perkembangan teknologi dan digitalisasi telah berjaya menarik perhatian masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

Selain itu, keperluan untuk melaksanakan pembiayaan mikro ini ialah untuk menambahbaik bantuan modal perniagaan yang disalurkan kepada penerima yang layak. Kajian Mohd Rawizal (2018) yang dilakukan ke atas Majlis Agama Islam Kelantan mendapati bahawa bantuan zakat pemulihan perniagaan yang ditawarkan kepada penerima menghadapi halangan-halangan yang tertentu. Antaranya ialah kekurangan staf untuk melaksanakan program-program susulan seperti kursus keusahawanan dan sebagainya. Hal ini kerana, pada pengamatan beliau, pegawai yang ditugaskan bukanlah terdiri daripada orang yang berpengalaman dalam bidang tersebut.

Selain itu, pegawai Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) juga mengalami kesukaran untuk menjejaki penerima bantuan ini kerana tiada sistem pengkalan data yang kemas dan rapi. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa MAIK tidak melakukan pemantauan susulan secara berkala untuk meninjau operasi perniagaan yang dijalankan oleh penerima bantuan. Pemantauan hanya dilaksanakan dalam tempoh satu hingga dua tahun selepas lulus bantuan. Hal ini sangat berbeza dengan program pembiayaan mikro daripada dana zakat yang dilaksanakan di Indonesia. Menurut kajian Reno Adi Saputra dan Ratu Eva Febriani (2019), Unit Pengumpul Zakat di Universitas Bengkulu melakukan pengawasan dengan kerap iaitu seminggu, dua minggu atau satu bulan. Mohd Rawizal (2018) juga mendapati bahawa MAIK tidak membenarkan permohonan kali kedua kerana bantuan ini bersifat sekali agihan (*one-off*). Hal ini berlawanan dengan apa yang dilaksanakan oleh Unit Pengumpul Zakat di Universitas Bengkulu. Mereka memberikan pembiayaan kepada penerima yang layak lebih daripada sekali dalam setahun dengan syarat-syarat yang tertentu.

Selain daripada masalah pengurusan dan pentadbiran, masalah dalam kalangan penerima juga menyumbang kepada kegagalan bantuan zakat pemulihan. Menurut Mohd Rawizal (2018) segelintir penerima bantuan tidak menggunakan bantuan tersebut untuk menjalankan perniagaan tetapi digunakan untuk urusan lain seperti membayar sewa rumah, membayar hutang dan sebagainya.

Di samping itu, pelaksanaan pembiayaan mikro daripada dana zakat di Indonesia telah menunjukkan hasil yang positif. Hasil positif yang utama ialah pertumbuhan taraf ekonomi masyarakat setempat yang rata-rata meningkat berbanding sebelum pelaksanaan program pembiayaan mikro ini. Lukmanul Hakim et al. (2021) menyatakan terdapat segelintir asnaf yang menerima pembiayaan di Kota Surakarta ini telah dapat menambahkan pendapatan mereka. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan penerima pembiayaan ini telah mampu membayar zakat. Kajian Munawar Haris et al. (2023) juga menyimpulkan bahawa pembiayaan mikro daripada dana zakat ini mempunyai kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi di Kabupaten Maros.

Manakala di Malaysia pula, terdapat beberapa institusi kewangan Islam yang melaksanakan pembiayaan mikro daripada dana zakat. Dana tersebut adalah dana zakat yang pada asalnya perlu dibayar oleh institusi kewangan tersebut. Antara institusi kewangan yang telah melaksanakannya ialah Bank Islam Malaysia Berhad. Bank Islam Malaysia Berhad telah melancarkan program pembiayaan iTEKAD yang akan memanfaatkan sebilangan asnaf yang layak. Asnaf-asnaf yang layak akan ditapis oleh institusi zakat yang menjalinkan kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad (Md. Habibur Rahman & Muhammad Izzat 2022). Tujuan utama pelaksanaan iTEKAD ini ialah untuk membantu asnaf-asnaf yang terpilih bagi membaikpulih perniagaan mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Daripada situasi ini dapat dilihat bahawa institusi zakat telah memainkan peranan sebagai entiti yang akan menapis kelayakan asnaf untuk

memperolehi pembiayaan ini walaupun urusan agihannya masih diuruskan oleh Bank Islam Malaysia Berhad.

PELAKSANAAN PEMBIAYAAN MIKRO OLEH INSTITUSI-INSTITUSI ZAKAT

Agihan dana zakat berbentuk modal perniagaan telah dijalankan oleh majoriti institusi zakat. Bantuan ini tidak memerlukan asnaf untuk memulangkan kembali setelah mereka mendapatkannya kerana ia berfungsi sebagai modal hangus (Nurul Ilyana & Muhammad Adib, 2019). Selain itu, asnaf-asnaf yang layak juga akan diberikan latihan dan bimbingan keusahawanan (Norafiza et. al, 2022). Tidak disangkal terdapat sebilangan usahawan asnaf yang berjaya dalam perniagaan mereka setelah menerima bantuan ini, namun terdapat juga segelintir asnaf yang gagal. Punca yang dapat dikenalpasti adalah daripada diri asnaf dan institusi zakat. Sebagai contoh, masalah yang berpunca daripada asnaf ialah menyalahgunakan bantuan tersebut untuk keperluan lain seperti memperbaiki rumah, menampung pengajian anak-anak dan sebagainya (Mohd Rawizal, 2018). Mohd Rawizal (2018) juga menyatakan bahawa masalah yang berpunca daripada institusi zakat ialah pemantauan susulan yang tidak kerap.

Selain itu, keperluan untuk melaksanakan pembiayaan mikro ini ialah untuk menambahbaik bantuan modal perniagaan yang disalurkan kepada penerima zakat yang layak. Kajian Mohd Rawizal (2018) yang dilakukan ke atas Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) mendapati bahawa bantuan zakat pemulihan perniagaan yang ditawarkan kepada penerima menghadapi halangan-halangan yang tertentu. Antaranya ialah kekurangan staf untuk melaksanakan program-program susulan seperti kursus keusahawanan dan sebagainya. Hal ini kerana, pada pengamatan pengkaji, pegawai yang ditugaskan bukanlah terdiri daripada orang yang berpengalaman dalam bidang tersebut.

Selain itu, pegawai MAIK juga mengalami kesukaran untuk menjejaki penerima bantuan ini kerana tiada sistem pengkalan data yang kemas dan rapi. Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa sebahagian institusi zakat tidak melakukan pemantauan susulan secara berkala untuk meninjau operasi perniagaan yang dijalankan oleh penerima bantuan (Mohd Rawizal, 2018; Khairul Azhar & Ummi Khasidah, 2019). Pemantauan hanya dilaksanakan dalam tempoh satu hingga dua tahun selepas lulus bantuan (Mohd Rawizal, 2018). Hal ini sangat berbeza dengan program pembiayaan mikro yang dilaksanakan di Indonesia. Menurut kajian Reno dan Ratu (2019), Unit Pengumpul Zakat di Universitas Bengkulu melakukan pengawasan dengan kerap iaitu seminggu, dua minggu atau satu bulan ke atas penerima pembiayaan. Mohd Rawizal (2018) juga mendapati bahawa MAIK tidak membenarkan permohonan kali kedua kerana bantuan ini bersifat sekali agihan. Hal ini berlawanan dengan apa yang dilaksanakan oleh Unit Pengumpul Zakat di Universitas Bengkulu. Mereka memberikan pembiayaan kepada penerima yang layak lebih daripada sekali dalam setahun (Reno & Ratu 2019).

Pembiayaan mikro daripada dana zakat telah dilaksanakan oleh sebahagian institusi zakat iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Menurut Mohd Faisol dan Mohd Nasir (2022), pembiayaan yang dilakukan oleh kedua-dua institusi zakat ini hanya melibatkan amaun pinjaman yang tertentu. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor hanya menuntut bayaran balik bagi pembiayaan yang berjumlah RM5,000 hingga RM50,000 (Mohd Faisol & Mohd Nasir, 2022).

Manakala bagi Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), entiti ini menuntut penerima pembiayaan ini untuk membayar semula pinjaman yang bermula daripada RM1,000 hingga RM20,000. Mohd Faisol dan Mohd Nasir (2022) juga menjelaskan bahawa terdapat pembiayaan pada kes-kes tertentu mencecah sehingga RM30,000. Namun, masih tidak ada lagi parameter yang jelas untuk melaksanakan pembiayaan ini. Hal ini kerana, pembiayaan ini tidak boleh diliputi dengan transaksi yang tidak patuh syariah atau yang samar-samar kerana ia dilaksanakan dengan menggunakan dana zakat yang terdapat hak ke atas asnaf-asnaf yang layak. Justeru, persoalan yang

timbul ialah apakah parameter yang patuh syariah bagi pembiayaan ini supaya ia tidak terjerumus kepada perkara yang menyimpang jauh daripada landasan yang benar.

Pembiayaan mikro daripada dana zakat boleh diaplikasikan pada institusi zakat di Malaysia dengan cadangan parameter seperti berikut:

1. Mengutamakan agihan dana zakat kepada asnaf yang lebih memerlukan. Sebagai contoh, institusi zakat perlulah mendahulukan asnaf kategori miskin yang hilang keupayaan kekal dengan mengagihkan dana zakat dalam bentuk bantuan sara hidup. Jika terdapat lebih setelah diagihkan kepada asnaf yang lebih memerlukan, maka lebih tersebut boleh digunakan untuk pembiayaan ini.
2. Memperuntukkan pembiayaan kepada asnaf yang sudah mempunyai perniagaan yang stabil. Hal ini penting supaya dana tersebut tidak disalahgunakan oleh asnaf yang menerimanya. Sebagai contoh di Kota Bukittinggi, Indonesia, institusi zakat di sana telah menetapkan bahawa perniagaan pemohon mestilah mempunyai halatuju yang jelas dan perniagaan itu sekurang-kurangnya mestilah telah diusahakan selama tiga bulan (Wiranda Wulandari, 2022).
3. Perniagaan yang dijalankan mestilah tidak menjadikan wang sebagai barang yang didagangkan seperti perniagaan pengurup wang dan sebagainya. Selain itu, perniagaan tersebut mestilah patuh syariah. Perniagaan yang melibatkan aktiviti yang tidak patuh syariah seperti menjual rokok elektronik adalah tidak dibenarkan sama sekali.
4. Jumlah pembiayaan mestilah tidak membebankan pemohon dan dilaksanakan dalam tempoh yang tidak terlalu lama. Selain itu, institusi zakat juga boleh menawarkan pembiayaan baharu kepada pemohon yang dapat membayar penuh dan tepat pada masanya. Hal ini bagi menjamin dana yang dipinjam dapat dibayar semula.
5. Institusi zakat perlu menambah jabatan khas untuk menguruskan pembiayaan ini di bawah bahagian agihan zakat seperti yang telah diaplikasikan di Indonesia.
6. Institusi zakat perlu bekerjasama dengan institusi pembiayaan mikro seperti TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia supaya pengurusan pembiayaan ini dapat berjalan dengan teratur dan sistematik.

PENUTUP

Kesimpulannya, agihan dana zakat dalam bentuk pinjaman atau hutang masih belum dilaksanakan secara menyeluruh oleh institusi zakat di Malaysia. Namun, beberapa institusi kewangan Islam sudah mengaplikasikannya seperti Bank Islam Malaysia Berhad menerusi program pembiayaan iTEKAD. Walau bagaimanapun, peranan institusi zakat dalam program ini tidaklah menyeluruh dan hanya tertakluk kepada beberapa perkara seperti menapis kelayakan asnaf yang layak memohon dan sebagainya. Hal ini memerlukan satu parameter yang jelas supaya institusi zakat dapat menguruskannya secara sendiri di kemudian hari. Daripada pengamatan pengkaji, pembiayaan ini masih tidak mempunyai parameter yang jelas. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa satu parameter perlu dibentuk supaya pembiayaan ini dapat dilaksanakan selari dengan lunas-lunas syarak. Pengkaji juga berharap bahawa kajian ini dapat membantu mengembangkan lagi penyelidikan berkaitan dengan pembiayaan ini.

RUJUKAN

Buku

- Alliance Islamic Bank. 2022. *Zakat dan Pembiayaan Mikro*. Kuala Lumpur: Alliance Islamic Bank Berhad.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī. 2005. *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. 'Ammān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- al-Qarḍāwī, Yūsuf 'Abdullāh . 2002. *Fiqh al-Zakāt*. Bayrut: Muassasah al-Risālah.

- al-Zarqā', Muṣṭafā Aḥmad. 1987. *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmi* 3(1).
- Zakaria Bahari. 2011. Transformasi Fakir Miskin daripada Penerima Zakat Saradiri kepada Penerima Produktif. Dlm: Mohamad Salleh et al. (eds). *Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*, 331-364. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

Jurnal

- Khairul Azhar Meerangani & Ummi Khasidah Zaham Azman. 2019. *Keberkesanan program pembangunan ekonomi asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor*. e-Academia Journal, 8(2): 14-24.
- Lukmanul Hakim, Azhar Alam, M.Mus'ab At-Thariq, Dedi Junaedi & M.Rizal Arsyad. 2022. *Perbandingan program zakat produktif antara Baznas dan Lazismu Kota Surakarta*. Jurnal Ekonomi, Kewangan dan Bisnis Syariah, 4(1): 33-46.
- Md. Habibur Rahman & Muhammad Izzat Izzuddin. 2022. *Empowering Islamic social finance to reduce the burden of COVID-19 destitute: evidence from Malaysia*. The Journal of Management Theory and Practice, 3(2): 46-54.
- Munawar Haris, Hasriani & Supriadi Muslimin. 2023. *Pengaruh penyaluran zakat produktif Baznas Microfinance Desa terhadap tingkat pendapatan mustahik*. Journal of Islamic Economics, 5(1): 1-18.
- Norafiza Mohd Hardi, Roseamilda Mansor, Norhafiza Hashim & Nor Shamila Abdul Karim. 2022. *Keberkesanan program pembangunan usahawan asnaf Lembaga Zakat Negeri Kedah*. International Journal of Social Science Research, 4(3): 58-69.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Zahri Hamat, Hafizuddin Muhd Adnan, Nurul Izwah Muhd Adnan & Fariza Md. Sham. 2019. *The potential for implementing microfinancing from the zakat fund in Malaysia*. Humanities & Social Sciences Reviews, 7(4): 542-548.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan, Zahri Hamat, Mohammad Zaini Yahaya & Mat Noor Mat Zain. 2017. *Agihan zakat secara mikro kredit: analisis daripada perspektif masalah*. Journal of Contemporary Islamic Law, 2(1): 45-58.
- Reno Adi Saputra & Ratu Eva Febrian. 2019. *Zakat produktif sebagai alternatif kredit mikro dalam pengembangan usaha mustahik (studi kasus UPZ UNIB)*. The Journal of Economic Development, 1(1): 56-71.
- Siti Amira Yaacob & Ruzian Markom. 2022. *Perkembangan dan cabaran terhadap pengawalseliaan pembiayaan institusi pembiayaan mikro di Malaysia*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, 30: 27-38.

Tesis & Disertasi

- Armiadi Musa Basyah. 2009. *Pentadbiran zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian terhadap agihan zakat bagi permodalan masyarakat miskin*. Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasanah Abd Khafidz. 2006. *Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia*. Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Rawizal Mohd Nawi. 2018. *Analisis pelaksanaan agihan zakat produktif oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia.

Seminar & Konferens

- Mohd Kamarul Khaidzir Saadan & Srirahayu Sarifin. 2021. *Praktis Agihan Zakat kepada Penghutang Ceti Haram di Majlis Agama Islam Negeri-Negeri*. International Conference On Syariah & Law 2021, 413-428.
- Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2008. *Pelaksanaan bantuan modal zakat: analisis perbandingan*. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia, 450-459.

Laman Sesawang

Berita Nasional Malaysia. 2023. Kutipan zakat Wilayah Persekutuan meningkat 13 peratus pada 2022. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2159230#> (diakses pada 30 Januari 2023).

Wiranda Wulandari. (2022). Pengelolaan Program BAZNAS Microfinance Desa Bukittinggi. <https://repo.iainbatusangkar.ac.id/xmlui/handle/123456789/25733> (diakses pada 4 Ogos 2023).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.